

Agresif isi tabung wakaf

SAUDARA PENGARANG.

PENGUMUMAN Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pada 7 Ogos lalu mengenai kutipan sebanyak RM1.85 bilion menerusi tabung endowmen di 20 universiti tempatan setakat Jun tahun ini membuktikan budaya wakaf semakin berkembang di Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, Universiti Malaya (UM) mencatatkan kutipan tertinggi sebanyak RM1.6 bilion diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebanyak RM71 juta. Kutipan tabung itu diperoleh hasil sumbangan individu dan syarikat.

Sementara itu, kutipan tabung wakaf sepanjang tempoh sama di 13 universiti awam berjumlah RM23.05 juta. Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan jumlah tertinggi dengan RM8 juta diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sebanyak RM4.48 juta.

Sebenarnya istilah endowmen (untuk bukan Islam) dan wakaf (untuk umat Islam) mempunyai erti hampir sama iaitu amalan kebaikan berasaskan sedekah. Pulangan yang dijana daripada harta diwakafkan akan digunakan bagi membiayai program pengajian dan yang berkaitan kebaikan pelajar atau kakitangan universiti.

Dalam pada itu, saya juga menyambut baik kenyataan Idris bahawa kementerian itu sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya penyumbang kepada tabung wakaf menerima pengecualian cukai sama seperti yang telah dinikmati oleh penderma tabung endowmen.

Selain insetif pengecualian

cukai, pelbagai kaedah baharu perlu dicari bagi memastikan dana kedua-dua tabung berkenaan dapat ditingkatkan.

Kita perlu belajar dari Turki yang lebih maju dalam aspek ini. Di negara itu, terdapat 142 institusi pengajian tinggi (IPT) yang dibangunkan dengan dana wakaf. Antara yang terkemuka adalah Universiti Fatih Sultan Mehmet Vakif (FSMVU).

Universiti Al-Azhar di Mesir yang telah melahirkan ribuan cendekiawan Islam juga ditubuhkan hasil daripada dana wakaf. Kos pendidikan di situ amat murah dan tidak membebankan pelajar.

Menurut ajaran Islam, sistem wakaf bertujuan menggalakkan orang ramai melakukan kebaikan dengan menderma sejumlah wang atau harta untuk manfaat orang lain. Ini adalah antara amalan yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Bagi saya, sistem wakaf boleh memainkan peranan penting dan menjadi salah satu penyelesaian

**UNIVERSITI
Fatih Sultan Mehmet
Vakif (FSMVU)
di Istanbul, Turki
ditubuhkan hasil
daripada dana wakaf.
- GAMBAR IHSAN
FSMVU**

Tabung Endowmen universiti tempatan kutip RM1.85b

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Selanjutnya RM1.85 bilion telah dilakukti pada Tabung Endowmen di 20 universiti tempatan setakat Jun tahun ini.

Menyatakan hal ini, Menteri Pendidikan Tinggi,

Datuk Seri Idris Jusoh (gambar) berkata, daripada jumlah tersebut, Universiti Malaya (UM) mengamalkan kutipan tertinggi sebanyak RM1.6 bilion diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebanyak RM71 juta.

Menurut beliau, kutipan tabung wakaf ini hasil sumbangan individu perseorangan dan syarikat.

"Selain itu, universiti awam juga mempunyai tabung wakaf sebagai sumber dana dan koleksi

ini, sebanyak 13 universiti awam telah menyumbang pusat wakaf dan menerima kelulusan majlis agama Islam negara manakala tujuh lagi masih dalam proses.

"Selain hari ini, jumlah kumpulan Tabung Wakaf bagi 13 universiti awam RM23.05 juta. Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan jumlah tertinggi dengan RM8 juta diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sebanyak RM4.48 juta," katanya.

Selain berikutan demikian ketika menjawab soalan Datin Mastura Mohd. Yarid (BN-Kuala Kangsar) mengenai jumlah universiti awam yang telah menyumbang Tabung Wakaf endowmen,

pendapatan mengikut kehendak dan acuan sendiri dengan pemantauan kerajaan.

Berikutnya kebebasan yang diberikan kerajaan, pihak pentadbir universiti perlu bersikap kreatif untuk memperkenalkan kaedah-kaedah baharu bagi mengumpul dana untuk kedua-dua tabung berkenaan.

Sejajar dengan matlamat untuk menggalakkan lebih ramai menyumbang kepada kedua-dua tabung itu, mahasiswa sendiri boleh memainkan peranan dengan menganjurkan seminar kesedaran berwakaf kepada golongan yang berpotensi untuk menyumbang.

Ketika seminar itu, perlu dijelaskan kaedah paling mudah untuk menyumbang termasuk potongan gaji setiap bulan.

Jika mahasiswa mampu menarik ramai orang untuk berwakaf kepada universiti mereka, tidak mustahil masalah kekurangan dana yang dialami oleh IPT dapat diselesaikan.

NURUL FATIHAH AB. KADIR

Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)

